

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 16/5/2013

Muka surat: 5

Tajuk : Persidangan Mengenai Disleksia 24 27 Jun.



**BINCANG ...** Datuk Hajah Fatimah Abdullah mendengar penjelasan daripada Dr Ong Hoon Phay (kanan) semasa mengadakan kunjungan hormat di pejabatnya di Bangunan Baitul Makmur, di Kuching, semalam.

## Persidangan mengenai disleksia 24 27 Jun

MOHD SHAFIK AHMAD

KUCHING, Rabu — Persidangan Asia Pasifik Pertama berkenaan Disleksia dan Pembelajaran Kelainan Upaya 2013 (APCoLD 2013) anjuran Persatuan Disleksia Sarawak dilihat sebagai peluang keemasan bagi masyarakat yang berurusan dengan kanak-kanak disleksia.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Datuk Hajah Fatimah Abdullah berkata, objektif persidangan itu adalah untuk menarik perhatian kepada masalah pembela jaran tertentu.

“Persidangan ini juga dapat menggalakkan kerja kerja penyelidikan mengenai orang kurang upaya dalam kalangan pelajar siswazah, ahli akademik dan ahli kesihatan profesional dan mampu membawa pakar pakar dari luar negara dan dalam negara.

“Ini akan menjadi satu platform yang sama untuk pakar pakar bagi membincangkan masalah dan isu-isu yang berkaitan,” katanya.

Fatimah berkata demikian pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan hormat daripada ahli ahli Persatuan Disleksia Sarawak di pejabat barunya di Bangunan Baitul Makmur, dekat sini, hari ini.

Menurutnya, kumpulan sasaran adalah guru-guru, pengurus sekolah, pendidik awal kanak-kanak, pakar kesihatan, ibu bapa dan penyedia pendidikan antarabangsa dan swasta.

Difahamkan, dijangkakan seramai 400 peserta dari Malaysia, Thailand, Filipina, Singapura, Hong Kong, China dan negara-negara lain akan menyertai persidangan tersebut.

Sehubungan itu, Fatimah memerlukan setakat ini, pihaknya telah menerima penyertaan dari Malaysia, New Zealand, Hong Kong, Indonesia, Singapura, India dan Jepun.

Persidangan itu akan diadakan

pada 24 sehingga 27 Jun 2013 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK).

Dalam perkembangan sama, Presiden Persatuan Disleksia Sarawak, Dr Ong Hoon Phay yang mengetuai delegasi itu berkata, terdapat enam tema persidangan iaitu Dasar Kesihatan dan Pendidikan, Pemeriksaan, Penilaian dan Diagnosis dan Pemulihan dan Campur Tangan.

Jelasnya, persidangan itu juga akan membincangkan tentang Dimensi Sosial Emosi dan Kreativiti, ICT dan Teknologi Inovasi serta advokasi.

“Penganjuran Persidangan APCoLD 2013 turut disokong oleh badan-badan kerajaan seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Pusat Kecemerlangan Pengajian Kurang Upaya daripada UNIMAS; Biro Konvensyen Sarawak, Konvensyen Malaysia dan Biro Pameran,” kata Ong.